

**TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

**BENGKEL PERANCANGAN DAN PENYEDIAAN DOKUMEN
RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS (RMK-13)**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

20 Ogos 2024 / 9.00 pagi

Bilik Jamuan VVIP, Dewan Canselor

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama –sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya kita dapat bersama – sama pada pagi ini berkumpul dalam **Bengkel Perancangan dan Penyediaan Dokumen Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13)**. Bengkel ini penting kepada Universiti dalam merancang dan

merangka pembangunan Universiti untuk tempoh lima (5) tahun) mulai tahun 2026 sehingga 2030. Juga perancangan jangka sederhana universiti untuk tempoh sehingga sepuluh (10) tahun sehingga 2035.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

2. Sebelum ini Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) berfokus dalam **melahirkan modal insan berkualiti dan berkemahiran tinggi yang diperhebatkan melalui Agenda Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Negara.** UTeM juga tidak ketinggalan menyahut seruan KPT dan terus komited memperkasakan dan mensejahterakan pendidikan tinggi negara melalui usaha

berterusan dalam RMK12 bagi meningkatkan kualiti penyampaian demi manfaat Keluarga Malaysia.

3. RMK-12 juga memperkenalkan **pelan pendidikan digital** di peringkat pengajian tinggi dalam memastikan akses yang lebih luas kepada pendidikan yang berkualiti. Dalam tempoh RMK-12, inisiatif untuk memanfaatkan teknologi baru yang muncul dalam pendidikan akan memperkukuh ekosistem pembelajaran digital. Inisiatif ini menyumbang kepada pewujudan ekosistem pembelajaran yang berkesan dan institusi yang mampu mengeluarkan graduan tersedia masa hadapan.

4. Selain itu, semua aktiviti di kampus menjurus kepada usaha **mewujudkan persekitaran kampus pintar** seperti bilik kuliah dan makmal pintar, PdP interaktif menggunakan realiti terimbuh (AR) dan teknologi realiti maya (VR) serta pengurusan pelajar secara digital. Di samping itu, penggunaan ruang pembelajaran, termasuk makmal di universiti akan dikaji semula bagi menggalakkan perkongsian sumber dan pembangunan bersama merentas disiplin dan institusi dengan menggunakan platform digital. Langkah ini akan menambah baik pengalaman pendidikan, kecekapan operasi serta meningkatkan keupayaan universiti bagi memenuhi keperluan masa hadapan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

5. Pelbagai langkah juga diambil untuk **menaik taraf infrastruktur** bagi memastikan persekitaran yang kondusif di UTeM. Langkah ini akan menyokong pembangunan bakat tersedia masa hadapan dan penyelidikan yang berkualiti serta memastikan potensi universiti dicapai sepenuhnya. Di samping itu, langkah ini akan menambah baik reputasi UTeM dan menarik lebih ramai pelajar dengan menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang selesa kepada pelajar.

6. Sehingga kini peruntukan yang telah diluluskan dalam RMK12 ialah sebanyak:

Rolling Plan 1 (2021/2022) – RM47 juta

- a) Penggantian pengokol bagi system penghawa dingin sebanyak RM7 juta
- b) Perolehan peralatan teknikal bagi fakulti sedia ada sebanyak RM40 juta.

Rolling Plan 2 (2022/2023) – tiada projek yang diluluskan

Rolling Plan 3 (2023/2024) – RM28.9 juta

- a) Pembaikan hakisan cerun di Kolej Kediaman Lestari sebanyak RM1.3 juta
- b) Perolehan peralatan TVET untuk pelajar lepasan vokasional di UTeM sebanyak RM27.6 juta

Rolling Plan 4 (2024/2025) – RM22.97 juta

- a) Pembangunan dan pelaksanaan aplikasi ICT UTeM dan inisiatif Smart Campus UTeM di Kampus Induk sebanyak RM7.19 juta manakala Kampus Teknologi sebanyak RM11.58 juta
- b) Kerja-karya penggantian kemas siling pelbagai jenis termasuk kelengkapan yang berkaitan di Kampus Induk UTeM sebanyak RM2 juta
- c) Kerja-karya penggantian panel pencegah kebakaran, penukaran kabel komunikasi dan peralatan berkaitan bagi sistem pencegah kebakaran di Kampus Induk, UTeM sebanyak RM2.2 juta

Rolling Plan 5 (2025) – Masih di peringkat kelulusan

7. Untuk makluman semua, hala tuju universiti pada tahun 2026 sehingga 2035 dalam tempoh lima (5) hingga sepuluh (10) tahun adalah merangkumi aspek seperti:
- a) **Perancangan pembangunan fizikal kampus Induk** bagi menyokong hala tuju pendidikan selari dengan penubuhan fakulti baharu seperti Faculty of Artificial Intelligence and Cyber Security
 - b) **Perancangan pembangunan fizikal pusat pembelajaran dan kampus cawangan** bagi menyokong perkembangan akademik dan Pengajian Sepanjang Hayat.

c) Keutamaan **program/projek pendigitalan, pembaikan, pemuliharaan, ubah suai dan naik taraf (PPUN) berskala besar, penggantian peralatan usang dan penyelidikan berimpak tinggi**

8. Bengkel sehari yang diurusetikan oleh Pejabat Pengurusan Pembangunan dan dihadiri oleh Ketua PTj serta wakil setiap PTj amat penting dalam merealisasikan perancangan jangka masa sederhana UTeM. Saya ingin pastikan **bengkel yang dijalankan ini menghasilkan output yang sempurna sebelum dikemukakan kepada LPU dan dibawa ke pihak KPT.**

9. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan bengkel pada hari ini. Semoga usaha-usaha yang dirancang ini akan membolehkan akses kepada pendidikan yang lebih luas, tadbir urus yang lebih cekap dan penyampaian pendidikan yang lebih berkualiti dalam menyediakan TUAH UTeM yang memenuhi permintaan industri pada masa hadapan.

Sekian,

Wabillahitaufik   Walhidayah  Wassalamualaikum

Warahmatullahi wabarakatuh 